Pendakwa Raya lwn Eng Tek Chuan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 42–35 & 36 TAHUN 2003
MOHTARUDIN BAKI H
30 APRIL 2007

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Kedua-dua tertuduh didakwa dengan tiga pertuduhan di bawah ss 12(2), 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya — Pembelaan tertuduh tidak mempertikaikan mengenai kewujudan dadah-dadah berbahaya tersebut tetapi tentang 'possessi' dadah-dadah berbahaya tersebut — Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan 'possessi' dadah-dadah berbahaya terhadap tertuduh — Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh — Akta Dadah Berbahaya ss 12(2), 12(3), 37(da), 39A(1), 39B(1)(a), 39B(2)

Orang Kena Tuduh 1 ('OKT 1') dan Orang Kena Tuduh 2 ('OKT 2') telah dituduh dengan tiga pertuduhan. Bagi pertuduhan pertama, OKT1 and OKT 2 telah dituduh di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang boleh dihukum di bawah s 39A(1) Akta tersebut. Bagi pertuduhan kedua, OKT 1 and OKT 2 telah dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta tersebut yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut. Bagi pertuduhan ketiga, OKT 1 and OKT 2 telah tuduh di bawah s 12(2) Akta tersebut yang boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta tersebut. Untuk ketiga-tiga pertuduhan tersebut, pihak pendakwa perlu membuktikan 'possessi' terhadap dadah-dadah ('dadah-dadah tersebut') yang dijumpai dari sebuah beg ('eksh P9') di dalam bilik di mana OKT 1 and OKT 2 ditahan ('bilik tersebut'). Pembelaan OKT 1 and OKT 2 tidak mempertikaikan mengenai kewujudan dadah-dadah tersebut. Apa yang dipertikaikan ialah 'posessisi' OKT 1 and OKT 2 terhadap eksh P9 dan dadah-dadah tersebut. Keterangan saksi-saksi pihak pendakwa telah menyatakan bahawa OKT 1 ketika ditahan didapati duduk di atas kerusi berhampiran meja solek di bilik tersebut seolah-olah sedang tidur dan tali beg eksh P9 juga dikatakan seolah-olah dililit ke lutut OKT 1 dan eksh P9 berada di dalam laci meja solek tersebut. Bagi OKT2, keterangan saksi-saksi pihak pendakwa telah menyatakan bahawa OKT 2 seolah-olah sedang menghisap dadah.

Diputuskan:

(1) Bagi OKT 1, dari keterangan saksi-saksi pihak pendakwa, mahkamah berpendapat OKT 1 mempunyai 'possession', iaitu 'control, custody and power to dispose' dadah-dadah tersebut. Mahkamah berpendapat dari cara dadah-dadah tersebut dibungkus dan ianya bukanlah berkunci/'concealed'/tersorok. Ini bermakna sudah pasti OKT 1 tahu ianya adalah dadah merbahaya. Mahkamah juga berpendapat OKT 1 mempunyai kuasa 'control' terhadap bilik tersebut di mana dadah-dadah tersebut dijumpai.

Di samping itu, eksh P9 di mana dadah-dadah tersebut dijumpai di dalamnya dilihat sebagai dikawal oleh OKT 1 apabila tali beg tersebut seolah-olah dililit ke lutut OKT 1 manakala beg itu sendiri diletakkan di dalam laci meja solek (lihat perenggan 27–30).

(2) Mahkamah berpendapat walaupun terdapat percanggahan di dalam keterangan saksi-saksi pihak pendakwa, percanggahan tersebut bukanlah atas perkara material. Mahkamah berpendapat percanggahan kecil adalah diterima sebagai ujian kebenaran keterangan saksi. Mahkamah menegaskan bahawa tidak ada dua atau lebih saksi-saksi dapat memberi keterangan yang sama perkataan demi perkataan. Jika ini berlaku maka ianya adalah 'concocted evidence' (lihat perenggan 33).

(3) Kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil orang yang membuat tempahan bilik tersebut di mana dadah-dadah tersebut dijumpai adalah tidak 'fatal'. Mahkamah berpendapat bagi OKT 1, intipati 'possession' telah dibuktikan. Ini adalah kerana pihak pendakwaan boleh bergantung kepada andaian undang-undang di bawah s 37(da) Akta tersebut. Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT 1 di bawah ketiga-tiga pertuduhan, 'if unrebutted would warrant conviction'. Dengan itu, OKT 1 telah dipanggil untuk membela diri ke atas ketiga-tiga pertuduhan (lihat perenggan 34–35).

(4) Bagi OKT 2, dari keterangan saksi-saksi pihak pendakwa, mahkamah berpendapat bahawa keterangan saksi-saksi pihak pendakwa tidak boleh mengaitkan OKT 2 dengan dadah-dadah yang dijumpai di dalam eksh P9 kerana OKT 2 tidak dinampak memegang atau menyentuh eksh P9 dan dadah-dadah tersebut. Mahkamah juga berpendapat bahawa tidak ada keterangan yang menunjukkan ciri-ciri 'joint possession' di antara OKT 1 and OKT 2 terhadap eksh P9 dan tidak ada keterangan 'direct evidence' untuk membuktikan niat bersama di antara OKT 1 dan OKT 2. Selain dari itu, dari keterangan 'circumstantial' saksi-saksi pihak pendakwa tiada apa-apa yang boleh mengaitkan OKT 1 dan OKT 2 'in furtherance of their common intention'. Dengan itu, mahkamah telah mengarahkan OKT 2 dilepaskan dan dibebaskan dari ketiga-tiga pertuduhan tersebut tanpa memanggil pembelaan (lihat perenggan 17, 22 & 24).

[English summary

The first accused and the second accused were charged with three charges. For the first charge, the first accused and the second accused were charged under s 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and punishable under s 39A(1) of the Act. For the second charge, the first accused and the second accused were charged under s 39B(1)(a) of the Act and punishable under s 39B(2) of the Act. For the third charge, the first accused and the second accused were charged under s 12(2) of the Act and punishable under s 12(3) of the Act. For all three charges, the prosecution had to establish possession of the said drugs found in the bag ('exh P9') in the room where the first and second accused persons were arrested ('the said room'). The defence of OKT 1 and OKT 2 did not dispute the existence of the said drugs. What was disputed was OKT 1 and OKT 2's possession of exh P9 and the said drugs.

The evidence of the prosecution's witnesses alleged that when OKT 1 was arrested he was seated on a chair near the dressing table and seemed asleep and the bag strap of exh P9 was also alleged to have been tied to OKT 1's knees and exh P9 was in the drawer of the dressing table. As for OKT 2, the evidence of the prosecution's witnesses alleged that OKT 2 seemed to have been smoking drugs.

Held:

(1) As for OKT 1, based on the evidence of the prosecution's witnesses, the court was of the view that OKT 1 had 'possession', ie 'control, custody and power to dispose' the said drugs. The court was of the view that the way the drugs were wrapped and that they were not locked/'concealed'/hidden, meant that it was obvious OKT 1 knew thsese were dangerous drugs. The court was also of the view that OKT 1 had 'control' of the said room where the drugs were found. Apart from that, exh P9 where the drugs were found, appeared to be in the control of OKT 1 where the bag strap appeared to be tied to OKT 1's knees whereas the bag itself was placed in the drawer of the dressing table (see paras 27–30).

(2) Despite the presence of discrepancies in the prosecution's witnesses, the court was of the view that these discrepancies were not material. The court was of the view that the minor discrepancies could be admitted as an authenticity test of the witnesses' evidence. The court contended that no two or more witnesses could give the same evidence word by word. If this happens this would be 'concocted evidence' (see para 33).

(3) The failure of the prosecution to call the person who made the said room reservation where the drugs were found was not 'fatal'. The court was of the view that as for OKT 1, the essence of 'possession' had been proved. This was because the prosecution could depend on the presumption of the law under s 37(da) of the said Act. Therefore, the court was of the view that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case against OKT 1 under the three charges, 'if unrebutted would warrant conviction'. Hence, OKT 1 had been called to enter his defence against the three charges (see paras 34–35).

(4) As for OKT 2, based on the evidence of the prosecution's witnesses, the court was of the view that the evidence of the prosecution's witnesses could not relate OKT 2 with the drugs found in exh P9 as OKT 2 was not seen to have held or touched exh P9 and the said drugs. The court also was of the view that there was no evidence that showed the characteristics of a 'joint possession' between OKT 1 and OKT 2 against exh P9 and there was no evidence of 'direct evidence' to prove the common intention between OKT 1 and OKT 2. Besides that, based on the circumstantial evidence of the prosecution's witnesses there was nothing to connect OKT 1 and OKT 2 'in furtherance of their common intention'. Hence, the court ordered OKT 2 to be discharged and acquitted from the three charges without calling for his defence (see paras 17, 22 & 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Akta Dadah Berbahaya 1952 s 12(2), see 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 151–152.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 (dirujuk)
Khoon Chye Hin v PP [1961] MLJ 105 (dirujuk)
Lee Yoon Choy & Ors v PP [1948–1949] Supp MLJ 167 (dirujuk)
Muhamad Safarudin bin Baba & Anor v PP [2002] 4 MLJ 353 (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576 (dirujuk)
Tansley v Painter [1969] Crim LR 139 (dirujuk)
Yee Ya Mang v PP [1972] 1 MLJ 120 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 34
Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), (3), 37(da), 39A(1), 39B(1)(a)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)

T Vijayandran (T Vijay & Co) bagi pihak Orang Kena Tuduh 2.
Suresh Thanabalasingam (Kuldip & Co) Thanabalasingam bagi pihak Orang Kena Tuduh 1.
Othman bin Yusof (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.

Mohtarudin Baki H:

[1] Orang Kena Tuduh 1 dan Orang Kena Tuduh 2 dituduh di bawah tiga pertuduhan iaitu dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN PERTAMA

[2] Kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39A(1) Akta yang sama.

PERTUDUHAN KEDUA

[3] Bagi kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

PERTUDUHAN KETIGA

[4] Bagi kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama.

[5] Untuk pembuktian kes prima facie, saya mengguna pakai prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

FAKTA KES

[6] Pada 2 Ogos 2002 lebihkurang pukul 3.30 petang Cif Inspektor Abdul Jabar (SP5) menerima maklumat melalui talipon bahawa terdapat aktiviti pengedaran dadah di bilik 101 Hotel Selesa Inn Jalan Tuanku Abdul Rahman.

[7] Semasa serbuan dibuat di bilik hotel tersebut SP5 mendapati Orang Kena Tuduh 1, Orang Kena Tuduh 2, SP3 dan isteri beliau SP9 berada di dalam bilik berkenaan.

[8] Pembelaan Orang Kena Tuduh 1 dan 2 tidak mempertikaikan mengenai dadah-dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut. Apa yang dipertikaikan ialah 'posessisi' terhadap dadah-dadah tersebut.

[9] Untuk ketiga-tiga pertuduhan, pendakwaan perlu membuktikan 'possession' terhadap dadah-dadah tersebut.

[10] Keterangan yang material ialah SP5, SP3 dan SP9.

[11] SP5 — Setelah mengetuk pintu bilik beberapa kali, pintu bilik tersebut telah dibuka dari dalam oleh seorang lelaki Cina (yang kemudiannya dicamkan sebagai Orang Kena Tuduh 1).

[12] Dari pemeriksaan badan terhadap Orang Kena Tuduh 1, Orang Kena Tuduh 2, SP3 dan SP9 tiada apa-apa barang yang menyalahi undang-undang diperolehi. Walau bagaimanapun dari pemeriksaan bilik tersebut SP5 mendapati sebuah beg (eksh P9) di atas meja solek bilik tersebut. Dari P9 diperolehi dadah-dadah seperti pertuduhan. SP5 juga mendapati satu dompet (P27) berisi wang RM181 (P28) dari atas meja yang sama. Tiada butir-butir pengenalan tentang dompet (P27) dan beg berisi dadah-dadah (P9) untuk mengaitkan mana-mana orang. Kesan cap jari juga adalah negatif.

[13] SP3 — Beliau pada mulanya menginap di bilik 209 Hotel yang sama bersama isterinya (SP9). Mereka membawa bersama mereka set televisyen, VCD player selain dari beg pakaian. SP3 menghadapi masalah peribadi dengan keluarga beliau menyebabkan dia dan isteri keluar dari rumah keluarga mereka dan meninap di hotel tersebut. SP3 menghadapi masalah kewangan. SP4 Pengurus Hotel menolak cadangan SP3 untuk meninggalkan barang-barang peribadi beliau sementara SP3 balik ke kampong untuk mendapat bantuan kewangan. Ketika di lobi hotel tersebut SP3 berjumpa dengan Orang Kena Tuduh 1 yang dikenali semasa di dalam penjara. Orang Kena Tuduh 1 telah bersetuju untuk membeli televisyen dan VCD player dengan harga RM400. Orang Kena Tuduh 1 juga menawarkan kepada SP3 dan isteri beliau untuk menggunakan bilik 101 jika mahu.

[14] Semasa SP3 memasuki bilik 101, beliau nampak Orang Kena Tuduh 1 sedang duduk di atas kerusi bersebelahan dengan meja solek. SP3 nampak Orang Kena Tuduh 1 seperti sedang tidur. Dia juga nampak tali beg (P9) seolah-olah dililit ke lutut Orang Kena Tuduh 1 manakala beg itu sendiri berada di dalam laci meja solek berkenaan.

[15] SP3 juga nampak Orang Kena Tuduh 2 sedang duduk atas lantai bersandar pada katil seolah-olah sedang menghisap dadah kerana terdapat peralatan menghisap heroin dan sedikit serbuk di dalam straw. Malangnya SP5 yang membuat serbuan tidak menjumpai peralatan ini atau serbuk di dalam straw yang dikatakan.

[16] SP9 — Apabila beliau masuk bilik 101 tersebut dia nampak Orang Kena Tuduh 1 duduk atas kerusi menghadap kerusi meja solek, matanya tertutup seperti sedang tidur. Manakala Orang Kena Tuduh 2 pula duduk atas kerusi menonton televisyen. SP9 tidak perasan tentang beg P9. Sedang SP9 mandi tiba-tiba serbuan dibuat oleh polis. Mereka semua ditangkap dan dibawa ke Balai Polis.

[17] Orang Kena Tuduh 2: Dari keterangan tidak ada apa-apa yang mengaitkan Orang Kena Tuduh 2 dengan eksh P9 atau dadah-dadah yang dijumpai di dalam eksh P9. Dari keterangan SP3 dia tidak nampak Orang Kena Tuduh 2 memegang atau menyentuh eksh P9 atau dadah-dadah di dalam P9. Tidak ada keterangan menunjukkan cirri-ciri 'joint possession' terhadap eksh P9.

[18] Saya bersetuju bahawa Orang Kena Tuduh 2 tiada 'possession, control, custody, knowledge and power of disposal' terhadap dadah-dadah yang dijumpai di dalam eksh P9.

[19] Kes *Yee Ya Mang v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 120. 'The word 'possession' implies a physical capacity to deal with the thing as one likes to the exclusion of everyone and a determination to exercise that physical power on one's own behalf. It implies dominion and consciousness in the mind of the person having 'possession' that he not only has such dominion but also that he can exercise it.'

[20] Di dalam kes *Tansley v Painter* [1969] Crim LR 139 Court of Appeal, England:

> The question was not whether D1 knew what was going on but whether he was a party to a joint venture. Mere knowledge of what D2 was doing was not sufficient...

Seksyen 34 Kanun Keseksaan:

> Common intention/niat bersama

[21] Di dalam kes *Public Prosecutor v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576 (di ms 588–589):

> in cases of common intention, the prosecution must prove that one of the accused had committed the act as contained in the charge and that the other, participated in it in furtherance of a common intention.

Lee Yoon Choy & Ors v Public Prosecutor [1948–1949] Supp MLJ 167 (at p 167):

> There must exist a common intention to commit the crime actually committed.

In *Muhamad Safarudin bin Baba & Anor v Public Prosecutor* [2002] 4 MLJ 353 (at p 363):

> ... s 34 of the Code implies a pre-arranged plan and to convict an accused person of an offence applying the section, it must be proved that the criminal act was done in concert pursuant to the pre-arranged plan...

In most cases it has to be inferred from the acts or conduct of the parties or other relevant circumstances as of the case.

[22] Dari keterangan tiada 'direct evidence' untuk membuktikan niat bersama. Dari keterangan 'circumstantial' tiada apa-apa untuk mengaitkan Orang Kena Tuduh 2 dan Orang Kena Tuduh 1 'in furtherance of their common intention'.

[23] Keterangan SP3 yang menyatakan Orang Kena Tuduh 2 seolah-olah sedang menghisap dadah kerana terdapat peralatan menghisap heroin dan serbuk dalam straw tidak mengaitkan Orang Kena Tuduh 2 dengan mana-mana tiga pertuduhan. Malah SP5 tidak menjumpai apa-apa alat menghisap dadah atau serbuk di dalam straw yang dikatakan. Keterangan ini bukan sahaja lemah malah tiada kaitan dengan pertuduhan.

[24] Dengan itu Orang Kena Tuduh 2 dilepas dan dibebaskan dari tiap-tiap tiga pertuduhan tanpa memanggil pembelaan.

ORANG KENA TUDUH 1

[25] Dari keterangan SP5 beliau menjumpai P9 yang mengandungi dadah-dadah tersebut di atas meja. Dari keterangan SP3 dan SP9 Orang Kena Tuduh 1 duduk berhampiran meja solek sejurus sebelum ditangkap.

[26] SP3 di dalam keterangan menyatakan semasa beliau memasuki bilik 101 tersebut Orang Kena Tuduh 1 duduk atas kerusi berhampiran meja solek seolah-olah sedang tidur. Dia nampak tali beg P9 seolah-olah dililit ke lutut Orang Kena Tuduh 1 dan beg P9 berada di dalam laci meja solek tersebut.

[27] Fakta ini membuktikan Orang Kena Tuduh 1 mempunyai 'possession', iaitu 'control, custody and power to dispose' dadah-dadah tersebut.

[28] 'Knowledge' — Dari cara dadah-dadah tersebut dibungkus dan ianya bukanlah berkunci/ 'concealed'/ tersorok, sudah pasti Orang Kena Tuduh 1 tahu ianya adalah dadah merbahaya.

[29] Orang Kena Tuduh 1 menawarkan bilik 101 kepada SP3. Ini bererti Orang Kena Tuduh 1 mempunyai kuasa 'control' terhadap bilik tersebut.

[30] Eksibit P9 di mana dadah-dadah dijumpai di dalamnya dilihat sebagai dikawal oleh Orang Kena Tuduh 1 apabila tali beg tersebut seolah-olah dililit ke lutut Orang Kena Tuduh 1 manakala beg itu sendiri diletakkan di dalam laci meja solek. Orang Kena Tuduh 1 ketika itu duduk atas kerusi berhampiran meja solek tersebut dalam kedudukan seperti tidur duduk/tidur-tidur ayam.

[31] SP9 menyokong kedudukan Orang Kena Tuduh 1 ini sejurus sebelum serbuan ditangkap. SP5 pula menjumpai eksh P9 di atas meja tersebut. Dari keterangan apabila SP5 mengetuk pintu, Orang Kena Tuduh 1 bangun membuka pintu. Dengan tali eksh P9 dililit di lutut sudah pasti eksh P9 dialihkan dari dalam laci ke atas meja tersebut. SP9 juga mengesahkan apabila pintu diketuk dia nampak Orang Kena Tuduh 1 membuka pintu.

[32] Hujah pembelaan bahawa keterangan SP3 perlu ditolak kerana tiada keterangan sokongan. Saya menolak hujah ini. Tiada apa-apa keperluan undang-undang untuk menyokong keterangan SP3. Keterangan sokongan jika ada, akan mengukuhkan nilai keterangan SP3. Keterangan SP9 jelas menyokong fakta material keterangan SP3; begitu juga keterangan SP5 yang menjumpai P9 di atas meja tersebut.

PERCANGGAHAN KETERANGAN

[33] Percanggahan yang dihujahkan bukan atas perkara material. Percanggahan kecil adalah diterima sebagai ujian kebenaran. Tidak ada dua atau lebih saksi-saksi dapat memberi keterangan yang sama perkataan demi perkataan. Jika ini berlaku maka ianya adalah 'concocted evidence'. Kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris* [1977] 1 MLJ 15; *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] MLJ 105.

SEKSYEN 114(G) AKTA KETERANGAN

[34] Kegagalan memanggil En. Zainudin bin Mamat, iaitu orang yang membuat tempahan bilik 101 hotel tersebut adalah tidak 'fatal'. Intipati 'possession' telah dibuktikan. Pihak pendakwaan bergantung kepada andaian undang-undang di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertuduhan kedua.

[35] Dengan itu, saya berpuashati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Orang Kena Tuduh 1 di bawah ketiga-tiga pertuduhan, 'if unrebutted would warrant conviction'. Dengan itu Orang Kena Tuduh 1 dipanggil untuk membela diri ke atas ketiga-tiga pertuduhan.

[36] Oleh kerana Orang Kena Tuduh 2 telah dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaan saya meminda tiga pertuduhan tersebut dengan membatalkan (delete) perkataan 'bersama-sama' dan 'dibaca bersama s 34 Kanun Kesiksaan'.

[37] Saya telah bertukar ke Mahkamah Tinggi Melaka. Perlu arahan Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya.

A **[38]** Adjourn sine die. Pihak-pihak akan diberitahu selepas arahan dari Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya.

OKT 1 dipanggil membela diri. OKT 2 dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaan.

B

Reported by Peter Ling

C

D

E

F

G

H

I